

Representasi Ekonomi Masyarakat Melayu melalui Karya Terpilih Keris Mas Berdasarkan Model SMCR Berlo

Representation of the Malay Community's Economy through Selected Works of Keris Mas

ROHAYATI JUNAIDI*, AZHAR WAHID & GHAZALI DIN

Received: 18-3-2025/Accepted: 30-12-2025

ABSTRAK

Karya sastra berperanan sebagai medium penting bagi pengarang untuk menyampaikan kritikan serta idea berkaitan ekonomi masyarakat Melayu. Melalui karya sastra, kritikan dan idea yang dikemukakan membantu masyarakat meneliti punca keadaan ekonomi serta mengenal pasti penyelesaian yang relevan. Kajian ini menganalisis komunikasi bertulis yang digunakan oleh Keris Mas dalam menegur kepincangan ekonomi yang membelenggu masyarakat Melayu. Tiga karya utama yang dianalisis ialah Anak Titiwangsa (1967), Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (1982), dan Rimba Harapan (1986). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan analisis teks secara tematik. Analisis dijalankan dengan meneliti unsur komunikasi dalam teks berdasarkan empat komponen utama Model SMCR iaitu pengirim (source), mesej (message), saluran (channel), dan penerima (receiver). Karya-karya ini dipilih secara bertujuan berdasarkan kandungan yang menonjolkan isu-isu ekonomi masyarakat Melayu serta gaya penyampaian kritikan oleh pengarang. Kajian mendapati bahawa ketiga-tiga karya memberi fokus terhadap isu kemunduran ekonomi masyarakat Melayu dengan menampilkan faktor-faktor utama seperti sikap jumud, keketekan ilmu pengetahuan serta sifat mementingkan diri sendiri. Dapatan turut memperlihatkan peranan karya sastra sebagai saluran kritikan sosial yang menyampaikan mesej penting secara halus dan tersirat. Pengarang juga memberikan cadangan penyelesaian kepada masalah yang diketengahkan, antaranya melalui penerapan nilai usaha gigih, penguasaan ilmu dan kesedaran terhadap pentingnya perubahan sikap dalam memajukan ekonomi. Kesimpulannya, analisis terhadap karya sastra menggunakan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) membuktikan peranan penting sastra sebagai wahana penyampaian maklumat kepada masyarakat, khususnya dalam aspek ekonomi. Implikasi kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pengkaji sastra, pendidik dan pembuat dasar sebagai rujukan dalam memahami peranan sastra sebagai wahana pendidikan masyarakat serta pemangkin kesedaran terhadap isu ekonomi Masyarakat Melayu.

Kata kunci: Keris Mas, karya sastra, komunikasi, Berlo, ekonomi

ABSTRACT

Literary works serve as an important medium for authors to convey criticism and ideas related to the economic conditions of the Malay community. Through literature, the criticisms and ideas presented help society examine the root causes of economic issues and identify relevant solutions. This study analyzes the written communication employed by Keris Mas in addressing the economic shortcomings afflicting the Malay society. Three main works analyzed in this study are Anak Titiwangsa (1967), Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (1982), and Rimba Harapan (1986). The study adopts a qualitative approach involving library research and thematic textual analysis. The analysis focuses on elements of communication within the texts based on the four key components of the SMCR Model: source, message, channel, and receiver. These works were purposefully selected based on their emphasis on economic issues within the Malay community and the author's critical style of presentation. The study found that all three works focus on the issue of economic backwardness among the Malay community, highlighting key contributing factors such as rigid mindsets, lack of knowledge, and selfish attitudes. The findings also demonstrate the role of literature as a channel for social criticism, conveying significant messages in subtle and implicit ways. The author also offers proposed solutions to the issues presented, including the cultivation of diligence, mastery of knowledge, and the importance of attitudinal change in advancing the economy. In conclusion, the analysis of literary works using Berlo's SMCR Communication Model (1960) confirms the vital role of literature as a vehicle for disseminating information

to society, particularly in the economic sphere. The implications of this study may benefit literary scholars, educators, and policymakers as a reference for understanding literature's role as an educational tool and a catalyst for raising awareness on economic issues within the Malay community.

Keywords: Keris Mas, literature, communication, Berlo, economy

PENGENALAN

Komunikasi wujud sebagai penghubung antara manusia untuk menyampaikan sesuatu maksud dan hajat secara langsung dan tidak langsung. Turow (2010) dalam Muhd Norizam dan Shaiful (2015: 185) menjelaskan bahawa komunikasi sebagai hubungan atau interaksi antara manusia yang melibatkan penyebaran dan pemahaman sesuatu mesej. Penyaluran mesej boleh dilakukan sama ada lisan atau visual, dengan sengaja atau tanpa sengaja. Komunikasi secara ringkasnya bermaksud saling berinteraksi antara satu sama lain, penyebaran informasi, kritik dan cadangan. Sehubungan dengan itu, karya sastera dikategorikan sebagai alat komunikasi bertulis yang berperanan menyalurkan maklumat dan pemikiran pengarang kepada masyarakat. Keris Mas telah menggunakan karya sastera sebagai saluran komunikasi bertulis untuk memperlihatkan kepincangan ekonomi masyarakat Melayu serta cadangan yang boleh diaplikasikan oleh masyarakat dalam meningkatkan tahap ekonomi.

Berdasarkan ketiga-tiga buah karyanya, iaitu *Anak Titiwangsa* (1967), *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982) dan *Rimba Harapan* (1986) pengarang menggarap pemikirannya melalui watak-watak yang berperanan sebagai penggerak jalan cerita. Segala kepincangan ekonomi masyarakat Melayu digambarkan oleh Keris Mas dalam karyanya bagi memberi kritikan dan kesedaran kepada masyarakat Melayu. Pemilihan ketiga-tiga buah karya sastera tersebut bersesuaian kerana banyak memaparkan mesej berkaitan ekonomi masyarakat Melayu pada zaman karya dihasilkan. Mesej-mesej berkaitan kepincangan ekonomi masih relevan untuk diberi penekanan pada zaman kini supaya dapat menjadi peringatan dan teladan kepada masyarakat. Ahmed (2017: 130) menerangkan bahawa, "*literature has provided a gateway to teach the reader about life experiences from even the saddest stories to the most joyful ones that will touch their hearts.*" Dengan kata lain, sastera telah menjadi satu medium untuk mendidik pembaca tentang pengalaman hidup yang mampu menjadi panduan dan pedoman. Berdasarkan ketiga-tiga buah karya Keris Mas, informasi berkaitan ekonomi masyarakat Melayu dianalisis dalam memperlihatkan peranannya untuk menyampaikan maklumat penting kepada masyarakat dengan menggunakan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960).

SOROTAN LITERATUR

Karya sastera berfungsi sebagai medium komunikasi bertulis yang berkesan dalam menyampaikan ilmu, mesej sosial dan nilai moral kepada masyarakat. Kajian lepas menunjukkan bahawa pengarang menggunakan sastera untuk menyalurkan pemikiran berkaitan isu ekonomi seperti kemiskinan, ketidakseimbangan sosioekonomi dan penyalahgunaan kuasa. Model Komunikasi SMCR yang diperkenalkan oleh David K. Berlo (1960) merupakan antara kerangka penting dalam kajian komunikasi. Walaupun kajian secara langsung yang menggunakan Model SMCR Berlo dalam menganalisis karya sastera masih terhad, namun terdapat beberapa kajian lepas yang mengaplikasikan model ini, khususnya dalam konteks komunikasi bertulis dan karya sastera

tradisional. Kajian Rohayati, Madiawati, Tengku Intan Marlina, Nur Faaizah & Siti Nur Anis meneliti peranan karya sastera kanak-kanak sebagai medium penyampaian maklumat kesihatan. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks berdasarkan Model Komunikasi Berlo (SCMR), kajian ini menganalisis elemen sumber, mesej, saluran dan penerima dalam cerita *Engkaulah Adiwiraku* (2020). Dapatan menunjukkan bahawa cerita ini berjaya menyampaikan informasi penting berkaitan COVID-19 melalui bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak. Perkara ini menunjukkan bahawa karya berfungsi bukan sahaja sebagai bahan bacaan tetapi juga sebagai saluran komunikasi yang berkesan dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Muhd Norizam & Shaiful Bahri (2015) pula mengkaji peranan karya tradisional Melayu dalam konteks komunikasi massa dengan mengaplikasikan Model *Source-Message-Channel-Receiver* (SCMR) oleh Wilbur Schramm (1982) memperlihatkan bahawa pengarang telah menyalurkan pesanan melalui watak-watak dalam karya untuk menjadi pedoman kepada masyarakat. Kajian tersebut menghuraikan bagaimana pengarang menggunakan watak, struktur naratif dan tema dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat, menjadikan karya tersebut sebagai wahana penyebaran ilmu dan pembentukan nilai.

Begitu juga dengan kajian Ghazali, Abdul Halim & Mohd Azam (2015) yang menggunakan gabungan Model Komunikasi Berlo dan Teori Teksdealisme dalam menganalisis puisi Muhammad Haji Salleh. Hasil kajian menunjukkan bahawa puisi mampu menjadi saluran berkesan dalam menyampaikan mesej pendidikan dan intelektual kepada masyarakat. Namun, kajian ini tidak memberi penekanan yang mendalam terhadap aspek penerimaan (*receiver*), yang merupakan salah satu aspek penting dalam Model SMCR. Oleh itu, wujud keperluan untuk mengembangkan pendekatan ini kepada genre sastera yang lain seperti novel atau cerpen, khususnya dalam membincangkan isu-isu seperti ekonomi, sosial dan politik yang lebih kompleks.

Seterusnya, kajian berkaitan karya-karya Keris Mas telah dilakukan oleh Mohd Firdaus & Nasirin (2018) yang memberikan tumpuan kepada analisis teks novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* sebagai medan komunikasi pengarang dalam fenomena sosial yang merangkumi aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan agama. Penelitian ini membuktikan bahawa Keris Mas tidak sekadar menghasilkan karya untuk tujuan hiburan, sebaliknya memanfaatkan naratif sastera sebagai alat komunikasi berpengaruh yang menyampaikan kritikan sosial serta mendidik masyarakat secara tidak langsung. Dari aspek ekonomi, pengarang membongkar ketidakseimbangan pengagihan kekayaan dan amalan kapitalisme yang menindas golongan marhaen, mencerminkan realiti struktur ekonomi masyarakat Melayu pasca-kolonial. Dalam ruang politik, Keris Mas mengetengahkan penyalahgunaan kuasa, rasuah dan kronisme melalui perwatakan dan plot, memperlihatkan kekecewaan rakyat terhadap sistem pemerintahan yang gagal membela kepentingan umum. Aspek sosial dan budaya dianalisis melalui pertembungan nilai tradisional dan moden, serta peralihan gaya hidup masyarakat yang semakin terarah kepada materialisme. Selain itu, unsur keagamaan disisipkan sebagai asas moral dan etika yang membentuk perilaku masyarakat dalam menghadapi arus perubahan. Karya ini jelas memperlihatkan keupayaan sastera dalam memaparkan gambaran realiti sosial dan bertindak sebagai wahana pendidikan yang menyampaikan nilai secara tersirat. Mohd Firdaus & Nasirin menegaskan bahawa hubungan antara sastera dan masyarakat bersifat timbal balik, di mana pengarang menyalurkan idea dan kritikan melalui teks, manakala masyarakat sebagai khalayak berperanan menilai serta memberi respons terhadap mesej yang diterima.

Di samping itu, Abu Bakar (2024) meneliti peranan Keris Mas melalui gerakan ASAS 50, sekali gus memperlihatkan bagaimana ideologi pengarang berkait rapat dengan gagasan pembangunan bangsa. Hasil kajian menegaskan bahawa sastera bukan sekadar wahana ekspresi

seni, tetapi turut menjadi instrumen ideologi yang mempengaruhi pemikiran masyarakat tentang perubahan ekonomi dan sosial. Selaras dengan itu, Syarahan Keris Mas Kali Ke-4 anjuran Universiti Sains Malaysia (2025) memberi penekanan terhadap relevansi novel ini dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta hubungan ekonomi antara etnik. Penelitian ini memperlihatkan bagaimana teks sastra berperan sebagai cerminan dasar negara dan ruang wacana kritis terhadap hubungan antara kaum dalam bidang ekonomi. Darwance (2024) pula menghubungkan sastra dengan manfaat ekonomi kreatif, iaitu peranan karya sastra dalam menjana nilai ekonomi di luar teks melalui industri budaya. Pandangan ini memperluas horizon kajian sastra dengan menempatkannya bukan sahaja sebagai representasi kepada isu ekonomi dalam masyarakat, tetapi juga sebagai aset dalam pembangunan ekonomi kreatif. Karya Keris Mas, khususnya *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* membantu dalam memahami representasi ekonomi masyarakat Melayu. Pada masa yang sama, ia menunjukkan bahawa wacana sastra mampu bergerak seiring dengan konteks semasa, baik dari segi ideologi pembangunan bangsa, dasar negara mahupun industri ekonomi kreatif.

Selain itu, kajian oleh Mohd Daud & Rohaidah (2015) yang meneliti novel *Anak Titiwangsa* karya Keris Mas telah menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan sebagai pendekatan utama dalam memahami mesej tersirat yang disampaikan melalui karya tersebut. Hasil kajian memperlihatkan bahawa *Anak Titiwangsa* tidak hanya berperanan sebagai karya naratif semata-mata, sebaliknya turut bertindak sebagai medium komunikasi berkesan dalam menyampaikan gagasan tentang kepentingan ilmu sebagai asas kemajuan bangsa. Watak-watak dalam novel tersebut diposisikan sebagai simbol perjuangan ilmu, yang bukan sahaja menentang kejahilan dan kemiskinan, malah berusaha memperjuangkan pembaharuan sosial melalui pendidikan. Sehubungan itu, model komunikasi SMCR Berlo (1960) penting untuk memahami bagaimana mesej yang dikodkan oleh pengarang ditafsir dan diterima oleh pembaca dalam pelbagai latar sosio-budaya.

Seterusnya, isu ekonomi merupakan antara tema penting yang sering diketengahkan dalam karya sastra Melayu. Hashim Awang (1991) dalam penelitiannya terhadap karya-karya realisme sosialis menjelaskan bahawa ramai penulis sastra pasca-merdeka cenderung menampilkan isu-isu seperti kemiskinan, ketidakseimbangan ekonomi dan penindasan kelas bawahan. Melalui penceritaan tentang nasib golongan tertindas, pengarang seperti Keris Mas dan A. Samad Said memperlihatkan ketidakadilan ekonomi yang membelenggu masyarakat Melayu. Seterusnya, Rahmah (2001) membincangkan bagaimana sastra digunakan untuk membicarakan tekanan hidup akibat kemiskinan dan jurang sosial yang ketara. Beliau menekankan bahawa sastra berupaya membangkitkan kesedaran masyarakat terhadap cabaran ekonomi melalui perjuangan watak-watak dalam menghadapi realiti kehidupan.

Sementara itu, Mohd Affandi (2003) melalui kerangka teori Persuratan Baru menyetujui pandangan bahawa karya sastra yang berteraskan ilmu dapat mengimbangi antara pembangunan ekonomi material dan nilai-nilai spiritual. Beliau menekankan kepentingan integrasi nilai ilmu dalam menyampaikan gagasan ekonomi yang holistik dan beretika. Dalam kajian yang lain, Noraini (2012) menganalisis beberapa karya sastra Shahnun Ahmad dan Arena Wati mengandungi kritikan terhadap dasar pembangunan yang tidak seimbang, ketirisan ekonomi serta penyalahgunaan kuasa. Kajian tersebut menonjolkan peranan pengarang dalam menilai dasar-dasar ekonomi yang memberi kesan langsung kepada masyarakat Melayu. Selain itu, kajian oleh Rosli & Zuraina (2017) menunjukkan bagaimana isu penguasaan ekonomi dan marginalisasi etnik diketengahkan dalam sastra Malaysia. Mereka meneliti bagaimana pengarang

menggunakan naratif untuk membangkitkan kesedaran politik dan ekonomi dalam kalangan pembaca, sekali gus menjadikan karya sastera sebagai medium pendidikan dan perubahan sosial.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang menganalisis karya sastera, didapati bahawa sastera berupaya menjadi alat komunikasi bertulis yang efektif dalam menyampaikan mesej dan ilmu pengetahuan untuk mendidik masyarakat. Sastera tidak hanya berperanan sebagai medium hiburan, sebaliknya berfungsi sebagai wahana penting dalam menyampaikan kritikan sosial serta membentuk kesedaran masyarakat terhadap pelbagai isu. Secara implisit, mesej yang digarap dalam karya sastera mempunyai keupayaan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan secara tersurat dan tersirat, menjadikannya medium pendidikan yang relevan merentasi zaman. Dalam konteks ini, karya sastera berperanan sebagai wahana komunikasi intelektual yang menyampaikan wacana berkaitan isu ekonomi masyarakat. Namun begitu, tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu mendapati masih terdapat kelompangan dalam pendekatan analisis yang menggunakan Model SMCR oleh Berlo (1960), dalam konteks karya sastera Melayu. Di samping itu, kajian yang memberi fokus terhadap karya Keris Mas dalam menyalurkan mesej ekonomi melalui pendekatan komunikasi bertulis masih terhad. Oleh itu, kajian ini penting kerana bukan sahaja mengisi jurang kajian sedia ada, malah mengaplikasikan Model SMCR Berlo secara sistematik dalam meneliti komunikasi intelektual melalui karya sastera yang berfokuskan isu ekonomi masyarakat Melayu. Hal ini menjadikan kajian ini sebagai sumbangan baharu dalam mengembangkan pendekatan komunikasi dalam kajian sastera. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis tiga buah karya Keris Mas, iaitu *Anak Titiwangsa* (1967), *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982) dan *Rimba Harapan* (1986), dengan menggunakan Model Komunikasi SMCR oleh Berlo (1960).

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan utama dalam kajian ini berkisar pada sejauh mana karya sastera berperanan sebagai medium komunikasi massa dalam menyalurkan mesej berkaitan isu ekonomi masyarakat Melayu. Walaupun sastera sering dianggap sebagai hiburan atau ekspresi seni, hakikatnya ia juga berfungsi sebagai alat penyampaian idea, pemikiran, dan kritikan sosial yang dapat mempengaruhi pembaca. Namun, peranan ini sering kurang mendapat perhatian dalam kajian komunikasi dan ekonomi, yang lebih banyak tertumpu pada sumber maklumat formal seperti media massa dan kajian akademik. Oleh itu, kajian ini meneliti bagaimana karya sastera bukan sahaja menggambarkan realiti kehidupan masyarakat tetapi juga bertindak sebagai pemangkin kesedaran sosial dan ekonomi. Kajian ini memfokuskan bagaimana Keris Mas, menggunakan elemen-elemen sastera untuk menyampaikan kritikan ekonomi secara halus, serta sejauh mana mesej tersebut berupaya mempengaruhi pemikiran dan tindakan masyarakat. Dalam konteks ini, Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) digunakan sebagai kerangka analisis untuk memahami keberkesanan penyampaian maklumat melalui karya sastera. Karim & Abdullah (2015) meneliti bagaimana pengarang Melayu pascakolonial menggunakan sastera untuk mengkritik dasar ekonomi yang memberi kesan kepada masyarakat. Kajian Ahmad (2018) pula mendapati bahawa Keris Mas sering mengetengahkan isu kemunduran ekonomi Melayu akibat kelemahan sistem pendidikan, sikap pasif masyarakat, serta pengaruh kapitalisme yang meminggirkan mereka daripada arus pembangunan ekonomi. Walaupun kajian terdahulu membincangkan tema-tema ekonomi dalam sastera Melayu, masih terdapat kekurangan dalam analisis yang mengaitkan karya sastera dengan Model SMCR Berlo. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis bagaimana

karya Keris Mas bukan sahaja menjadi gambaran realiti tetapi juga berfungsi sebagai alat komunikasi yang efektif dalam menyampaikan kritikan ekonomi kepada masyarakat.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti mesej-mesej yang berkaitan dengan aspek ekonomi yang dipaparkan dalam ketiga-tiga buah karya sastera terpilih, iaitu *Anak Titiwangsa* (1967), *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982), dan *Rimba Harapan* (1986). Penelitian terhadap kandungan karya-karya ini bertujuan untuk mengesan faktor-faktor yang mempengaruhi kemunduran ekonomi masyarakat Melayu dalam karya sastera. Objektif kedua pula adalah untuk menganalisis mesej-mesej tersebut dengan menggunakan Model Komunikasi SMCR yang dikemukakan oleh David K. Berlo (1960). Model ini merangkumi empat komponen utama, iaitu pengirim (*source*), mesej (*message*), saluran (*channel*), dan penerima (*receiver*). Dengan menggunakan model tersebut, kajian ini menilai bagaimana Keris Mas selaku pengirim menyampaikan mesej ekonomi melalui medium karya sastera, saluran penyampaiannya yang berbentuk naratif dan simbolik, serta penerimaan dan penghayatan mesej oleh khalayak pembaca.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, yang merangkumi kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks dengan berpandukan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960). Mohd Amir et al. (2021) menyatakan bahawa kelebihan kaedah kualitatif adalah kemampuannya dalam memberikan pemahaman yang terperinci serta telus terhadap sesuatu fenomena yang dikaji. Oleh itu, kajian ini melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan ilmiah berkaitan peranan sastera dalam komunikasi serta isu ekonomi masyarakat Melayu. Sumber utama kajian, iaitu *Anak Titiwangsa* (1967), *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982), dan *Rimba Harapan* (1986), serta kajian akademik seperti tesis, disertasi, jurnal ilmiah, koleksi persidangan dan buku rujukan berkaitan teori komunikasi dan analisis sastera.

Justifikasi pemilihan ketiga-tiga karya Keris Mas secara bertujuan, iaitu berdasarkan nilai kandungan yang sarat dengan mesej sosial dan ekonomi yang relevan dengan masyarakat Melayu sepanjang era pasca kemerdekaan hingga era pembangunan. Ketiga-tiga buah novel mewakili fasa perkembangan pemikiran Keris Mas dalam menanggapi perubahan struktur ekonomi dan sosial masyarakat Melayu. Karya ini juga memperlihatkan kesinambungan ideologi pengarang dalam mengangkat isu kemiskinan, ketidakseimbangan ekonomi, urbanisasi dan cabaran pembangunan yang melanda masyarakat Melayu. Oleh itu, karya-karya ini merupakan sampel yang sesuai untuk dianalisis dalam konteks komunikasi mesej ekonomi kerana mengandungi unsur naratif dan tematik yang kukuh serta mencerminkan fungsi sastera sebagai alat kritikan sosial yang signifikan.

Kaedah kepustakaan membantu mendapatkan perspektif yang lebih luas tentang kajian lepas serta memastikan analisis yang dijalankan bersandarkan kepada rujukan yang kukuh dan sahih. Selain itu, kaedah analisis kandungan teks digunakan untuk meneliti dan menginterpretasi mesej yang disampaikan dalam karya sastera. Teknik ini melibatkan pembacaan secara mendalam terhadap karya sastera bagi mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan isu ekonomi, pemilihan dan pengestrakan mesej-mesej penting yang menggambarkan kritikan sosial dan ekonomi dalam karya Keris Mas, serta penganalisisan wacana dalam karya bagi melihat

bagaimana elemen sastra seperti watak, latar, dialog dan naratif digunakan untuk menyalurkan mesej ekonomi kepada pembaca. Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) digunakan dalam kajian bagi memahami bagaimana mesej ekonomi dikodkan oleh pengarang dan diterima oleh khalayak.

Kesimpulannya, metodologi kajian ini memastikan bahawa analisis yang dijalankan bersifat menyeluruh dan mendalam bagi memahami peranan karya sastra sebagai medium komunikasi massa. Gabungan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks membolehkan kajian ini mengenal pasti bagaimana Keris Mas menggunakan sastra untuk menyalurkan mesej ekonomi kepada masyarakat. Selain itu, penerapan Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) membantu menjelaskan keberkesanan komunikasi dalam karya sastra sebagai alat kritikan sosial dan ekonomi.

MODEL KOMUNIKASI SMCR BERLO (1960)

Komunikasi merupakan satu proses untuk menyampaikan pesanan, mesej atau maklumat oleh seseorang kepada individu lain dengan bertujuan memberi manfaat. Devito dalam Syofiah, Zamri & Jamaludin (2013: 141) menjelaskan bahawa, “komunikasi ialah proses menghantar dan menerima mesej antara dua peribadi dengan beberapa kesan dan maklum balas yang serta merta.” Komunikasi berlaku sama ada secara langsung atau bersemuka antara dua individu atau lebih. Selain itu, komunikasi turut berlaku satu hala, iaitu melalui surat, radio, telefon dan pelbagai aplikasi multimedia. Burgoon (1978) dalam Mohamad (1985: 64) mendefinisikan komunikasi seperti berikut:

Komunikasi adalah suatu proses dinamik yang melibatkan penghasilan makna yang dikongsi bersama (*shared meaning*), dan makna itu lahir daripada proses penyampaian dan penerimaan mesej melalui kod-kod yang difahami bersama.


Petikan tersebut menjelaskan bahawa komunikasi melibatkan proses menyampaikan maklumat yang dapat difahami oleh orang lain. Model SMCR diperkenalkan oleh Berlo (David K. Berlo) pada tahun 1960 dalam bukunya *The Process of Communication*. Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) mengandungi empat faktor penting yang mempengaruhi kualiti komunikasi, iaitu sumber (*source*), pesan (*message*), saluran (*channel*) dan penerima (*receiver*). Sumber atau pengirim adalah individu yang mencipta pesan kepada penerima pesan. Sumber boleh sahaja secara individu, kumpulan dan organisasi-organisasi tertentu. Menurut Berlo (1960), sumber dan penerima pesan dipengaruhi oleh faktor-faktor peribadi seperti kemahiran komunikasi, sikap, pengetahuan, sistem sosial dan budaya.

Pesan pula bermaksud maklumat yang disampaikan oleh sumber dalam bentuk suara, teks atau tulisan, video dan pelbagai saluran multimedia interaktif. Pesan mengandungi unsur, struktur, kod, isyarat, informasi dan gagasan. Pesan disalurkan sama ada secara verbal dan nonverbal serta bersifat menghibur, informatif, mendidik, persuasif dan propaganda. Bentuk pesanan yang baik haruslah peka dengan penerima pesan seperti tahap kemahiran komunikasi, sikap, pengetahuan, sistem sosial dan budaya. Penggunaan bahasa dan gambar memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan mesej yang hendak disampaikan oleh sumber.

Berlo (1960) menjelaskan saluran merujuk kepada alat komunikasi yang digunakan untuk menghantar mesej kepada penerima pesan. Saluran komunikasi terdiri daripada secara lisan, bertulis dan elektronik. Saluran komunikasi multimedia interaktif terdiri daripada telefon, video, e-mel, risalah, surat dan pelbagai medium lain. Faktor yang turut memainkan peranan penting

dalam memastikan keberkesanan komunikasi, iaitu lima pancaindera manusia, seperti pendengaran, penglihatan, sentuhan, bau dan rasa.

Seterusnya, faktor keempat dalam komunikasi Berlo (1960), iaitu penerima pesan atau orang menjadi sasaran komunikasi. Dengan kata lain, penerima pesan bermaksud individu yang menerima pesan daripada sumber dan bertindak balas dengan sewajarnya. Model SMCR Berlo (1960) menjelaskan bahawa keberkesanan komunikasi dipengaruhi tahap kemahiran komunikasi, sikap, pengetahuan, sistem sosial dan budaya antara pengirim dan penerima. Sehubungan dengan itu, pesan atau mesej tidak akan dapat difahami sepenuhnya jika penerima dan pengirim tidak memiliki persamaan-persamaan tersebut. Model SMCR Berlo (1960) dapat dilihat dalam rajah 1 berikut:



RAJAH 1. Model Komunikasi SMCR Berlo (1960)

Berdasarkan rajah 1 menjelaskan bahawa Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) terdiri dari empat faktor, iaitu sumber (*source*), pesan (*message*), saluran (*channel*) dan penerima pesan (*receiver*). Sumber berperanan menyalurkan pesan kepada penerima pesan dengan menggunakan saluran yang bersesuaian dengan tahap kemahiran komunikasi, sikap, pengetahuan, sistem sosial dan budaya penerima pesan. Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) menerangkan bahawa sumber dan penerima pesan perlu mempunyai ciri-ciri yang sama bagi memastikan keberkesanan komunikasi. Model Komunikasi SMCR Berlo (1960) tidak terbatas pada komunikasi awam dan komunikasi massa sahaja, namun turut merangkumi komunikasi interpersonal dan pelbagai bentuk komunikasi bertulis termasuk karya sastera.

DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

Karya sastera memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dan maklumat kepada masyarakat. Menurut Muhd Norizam & Shaiful Bahri (2015: 183), karya sastera bukan sahaja berfungsi sebagai satu bentuk komunikasi massa tetapi juga sebagai medium penyampaian ilmu, pengajaran, dan hiburan kepada khalayak pembaca. Melalui karya sastera, pengarang berupaya menyampaikan pelbagai gagasan pemikiran, idea, serta kritikan terhadap pelbagai aspek kehidupan, termasuk isu sosial, budaya, ekonomi, dan politik. Teguran yang disampaikan melalui elemen sastera seperti watak, plot, dan konflik bukan sahaja dapat menyedarkan masyarakat tentang sesuatu isu, tetapi juga mampu mencetuskan perubahan sikap dan pemikiran. Dengan demikian, karya sastera bukan sahaja menjadi hiburan semata-mata tetapi

juga medium pendidikan yang mampu memperkayakan pengetahuan serta membentuk pemikiran kritis dalam kalangan pembaca.

MAKLUMAT BERKAITAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEMUNDURAN EKONOMI MASYARAKAT MELAYU DALAM KARYA SASTERA

Karya sastera merupakan salah satu saluran komunikasi bertulis yang mampu menyampaikan pesanan yang berupa ilmu pengetahuan dan pelbagai ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat. Pesanan tersebut disalurkan oleh sumber melalui watak-watak yang digarap dalam karya yang berfungsi sebagai wadah komunikasi bertulis kepada masyarakat. Muhd Norizam & Shaiful Bahri (2015: 192) menjelaskan bahawa unsur ilmu dan kebijaksanaan yang ditampilkan menerusi watak-watak dalam karya akan dicerap dan dicerna oleh khalayak sebagai contoh, panduan dan pedoman. Menurut Model Komunikasi SMCR Berlo (1960), proses komunikasi melibatkan empat komponen utama, iaitu sumber, mesej, saluran dan penerima. Dalam konteks karya sastera, pengarang berperanan sebagai sumber yang menyampaikan mesej kepada pembaca melalui teks sastera. Mesej yang disampaikan sarat dengan nilai, pemikiran dan pandangan pengarang terhadap isu-isu sosial, termasuk aspek ekonomi masyarakat.

Perkara ini diperlihatkan melalui peranan sumber, iaitu Keris Mas menyalurkan faktor-faktor yang mempengaruhi kemunduran ekonomi masyarakat Melayu dalam Trilogi; *Anak Titiwangsa* (1967), *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982) dan *Rimba Harapan* (1986). Berdasarkan ketiga-tiga buah karya yang dikaji memperlihatkan kritikan yang disalurkan oleh sumber berkaitan faktor yang menyebabkan kemunduran ekonomi masyarakat Melayu. Kemiskinan hidup yang dialami watak-watak dalam karya kerana dipengaruhi oleh faktor sikap dan kekurangan ilmu pengetahuan. Sumber menjelaskan sikap masyarakat Melayu yang berat tulang telah menjadi faktor utama kemunduran ekonomi orang Melayu. Hal ini diperlihatkan dalam petikan berikut:

Masa nak buka kebun dulu sampai berbalah-balah satu kampung. Itu pun tiga puluh orang saja yang mahu. Bila menebang beberapa orang patah balik. Tak terdaya.

(*Rimba Harapan* 1986: 38)

Aku dahulu bekerja bermati-matian selama lapan tahun sementara menunggu kebun ini jadi, tetapi orang kampung ini memang manja. Kerja kuat sikit tidak mahu. Kutip-kutip pucuk itu pada mereka sudah jadi kerja. Orang Cina pagi bekerja menorah atau melombong, petang-petang tanam sayur. Tidak habis makan jual ke pasar. Cina panjang dahulu menyewa tanah lessen satu ekar saja, tanam sayur anak-beranak. Sekarang rumah kedai batu itu pun kepunyaan sendiri. Mereka tidak ingin langsung hendak bersawah. Mereka tahu bahawa menanam padi hanya boleh dapat makan saja.

(*Rimba Harapan* 1986: 40)

Petikan daripada *Rimba Harapan* (1986) mengandungi kritikan sosial terhadap sikap masyarakat Melayu dalam aspek pekerjaan dan ekonomi. Melalui petikan ini, pengarang menonjolkan perbezaan sikap antara masyarakat Melayu dan masyarakat Cina dalam mencari rezeki untuk membina kehidupan yang lebih baik. Dalam petikan pertama, konflik dalaman dalam kalangan penduduk kampung digambarkan ketika pembukaan kebun. Hanya sebahagian kecil daripada penduduk kampung (tiga puluh orang) yang bersetuju untuk menyertai usaha ini, tetapi sebahagian daripada mereka akhirnya menyerah kerana tidak mampu menghadapi kesukaran kerja yang berat. Ini mencerminkan cabaran dalam mengubah mentaliti masyarakat Melayu terhadap kerja keras dan kecekalan dalam mencari rezeki. Sikap mudah putus asa ini menjadi salah satu faktor yang menghalang kemajuan ekonomi.

Petikan kedua pula menampilkan sudut pandang seorang individu yang bekerja keras selama lapan tahun untuk membangunkan kebun, berbanding penduduk kampung yang digambarkan sebagai manja dan tidak sanggup bekerja keras. Kritikan ini diperkuatkan dengan perbandingan antara orang Melayu dan orang Cina dalam soal mencari sumber pendapatan. Orang Cina dilihat sebagai lebih rajin dan berusaha keras, menjalankan pelbagai pekerjaan dalam satu masa seperti menoreh getah, melombong, dan bercucuk tanam. Hasil usaha gigih ini membawa kepada kejayaan mereka memiliki rumah kedai batu, yang melambangkan kestabilan ekonomi. Sementara itu, orang Melayu masih bergantung kepada pertanian tradisional seperti menanam padi, yang hanya cukup untuk keperluan asas tetapi tidak membawa kepada peningkatan taraf hidup. Melalui petikan ini, pengarang secara halus mengkritik sikap pasif dan ketergantungan masyarakat Melayu terhadap sektor pertanian tradisional tanpa inovasi atau usaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Petikan ini mencerminkan pemikiran realistik pengarang tentang struktur sosial dan ekonomi masyarakat Melayu serta cabaran yang mereka hadapi dalam meningkatkan taraf hidup. Melalui kerangka SMCR Berlo (1960), mesej yang disampaikan oleh Keris Mas telah melalui proses kodifikasi yang strategik menggunakan teknik naratif, watak dan dialog sebagai medium penyampaian.

Pengarang menghasilkan karya sastera yang sarat dengan kritikan terhadap orang Melayu yang kurang berusaha dan cepat berpuas hati dengan taraf ekonomi supaya memperbaiki serta meningkatkan ekonomi keluarga. Mesej yang disalurkan melalui karya sastera sekali gus dapat menjadi rujukan dan panduan kepada masyarakat. Dalam konteks Teori Komunikasi SMCR Berlo (1960), pengarang berperanan sebagai sumber yang menyampaikan mesej secara strategik kepada penerima, iaitu masyarakat umum, melalui saluran berupa karya sastera. Sumber bertanggungjawab menyusun, memilih dan menstruktur mesej dengan berkesan agar dapat dikodkan dalam bentuk yang difahami oleh penerima. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa sumber telah mengkodkan mesej berkaitan faktor-faktor yang menjadi penyebab kemunduran masyarakat Melayu, khususnya dari segi sikap, budaya kerja dan kebergantungan kepada keadaan sedia ada. Pengarang juga memperlihatkan perbezaan yang ketara antara orang Melayu dan masyarakat Cina, di mana masyarakat Cina digambarkan lebih rajin, cekal dan bersungguh-sungguh dalam memperbaiki kehidupan ekonomi mereka. Perbandingan ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran dan mendorong pembaca menilai kelemahan masyarakat sendiri.

Selain itu, sumber turut menyalurkan informasi berkaitan sikap jumud masyarakat Melayu yang tidak mahu menerima perubahan ekonomi. Contohnya watak Pak Kia hanya berminat untuk mengusahakan sawah dan dusun buah-buahan. Beliau tidak berminat untuk menceburi bidang penanaman getah secara besar-besaran apatah lagi terlibat dengan perniagaan. Watak Pak Kia dan penduduk kampung lebih selesa dengan cara hidup tradisional dan pekerjaan tradisi yang menjadi warisan nenek moyang. Malahan kehidupan masyarakat Melayu yang dipaparkan oleh sumber melalui gambaran watak-watak dalam karya ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Dia faham benar akan jalan rotan abangnya. Dari dahulu lagi hajatnya tidak ada lain cuma hendak meluaskan sawah dan dusun. Berkebun cuma hendak meluaskan sawah dan dusun. Berkebun getah sama sekali tidak mahu.

(Rimba Harapan 1986: 39)

Petikan daripada *Rimba Harapan* (1986) menggambarkan mentaliti dan pegangan teguh masyarakat Melayu terhadap sektor pertanian tradisional, khususnya dalam bidang sawah dan dusun. Watak yang dirujuk dalam petikan ini menunjukkan sikap konservatif, yang hanya berminat untuk memperluaskan sawah dan dusun tanpa mempertimbangkan bentuk ekonomi lain seperti perladangan getah. Sikap ini mencerminkan keengganan untuk berubah atau menerima inovasi ekonomi yang boleh membawa keuntungan jangka panjang. Dalam konteks sejarah dan sosioekonomi masyarakat Melayu pada era 1960-an hingga 1980-an, aktiviti penanaman padi dan dusun merupakan aktiviti ekonomi utama, khususnya di luar bandar. Pertanian tradisional ini telah menjadi sebahagian daripada warisan budaya dan identiti orang Melayu, namun dari segi nilai komersial, ia semakin tidak kompetitif. Sebaliknya, sektor-sektor seperti perladangan getah, kelapa sawit dan perniagaan kecil mula berkembang pesat dan memberikan pulangan ekonomi yang lebih tinggi, terutamanya kepada masyarakat bukan Melayu seperti kaum Cina yang lebih aktif dalam sektor ekonomi swasta. Menurut sejarah ekonomi Malaysia, dasar-dasar pembangunan awal negara selepas merdeka mula memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi melalui sektor moden, termasuk perladangan komersial dan perindustrian. Namun, ramai orang Melayu pada masa itu masih berpegang pada bentuk ekonomi sara diri dan kurang terlibat dalam sektor moden akibat faktor seperti kekangan modal, pendidikan dan sikap berhati-hati terhadap risiko ekonomi baharu. Ini sejajar dengan kritikan Keris Mas dalam karya beliau yang mencerminkan ketidakbersediaan masyarakat Melayu untuk keluar daripada zon selesa pertanian tradisional.

Maka, mesej yang diketengahkan dalam *Rimba Harapan* (1986) merupakan satu kritikan sosial yang tajam terhadap struktur ekonomi masyarakat Melayu pada era tersebut. Melalui lensa Teori SMCR Berlo (1960), pengarang sebagai sumber telah menyampaikan mesej berupa teguran terhadap kejumudan sikap Melayu, melalui saluran berbentuk karya sastera yang mengandungi naratif kehidupan sebenar, untuk difahami dan ditafsir oleh penerima, iaitu masyarakat Melayu sendiri. Ini membuktikan bahawa karya sastera bukan hanya mencerminkan realiti sosial, malah turut menjadi wahana komunikasi efektif dalam menyampaikan mesej perubahan ke arah pembangunan ekonomi yang lebih progresif. Penolakan terhadap berkebun getah menunjukkan satu bentuk ketidakfleksibelan dalam menerima perubahan ekonomi. Dari perspektif pengarang, hal ini boleh menjadi salah satu faktor yang menyebabkan masyarakat Melayu ketinggalan dalam pembangunan ekonomi berbanding kaum lain yang lebih berani meneroka sektor-sektor baharu yang lebih menguntungkan. Kritikan ini selari dengan tema utama novel *Rimba Harapan* (1986), yang menekankan keperluan untuk perubahan sikap dan penerimaan terhadap inovasi ekonomi demi memperbaiki taraf hidup masyarakat.

Di samping itu, sumber menyalurkan mesej penting bahawa kekurangan ilmu pengetahuan dalam pengurusan merupakan faktor yang menyebabkan masyarakat Melayu tidak mampu bersaing dengan masyarakat lain dalam bidang perniagaan. Kegagalan dalam proses pengurusan yang cekap dan berkesan menyebabkan masyarakat Melayu ketinggalan dalam ekonomi, khususnya dalam bidang perniagaan. Hal ini diperlihatkan sumber dalam petikan berikut:

Selalunya orang Melayu kalau pandai mentadbir, tidak cekap merancang; kalau pandai merancang dan mentadbir, tidak tahu melangkah. Kalau tahu melangkah tidak kemas membuat persediaan, ada saja hujung yang longgar bila sesuatu projek diselenggarakan. Encik Muhammad ini berjalan sendiri, dari merancang, mentadbir, membuat hubungan dan seterusnya menyelesaikannya.

(*Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* 1982: 5)

Petikan daripada *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982) menampilkan kritikan terhadap kelemahan masyarakat Melayu dalam aspek perancangan, pentadbiran dan pelaksanaan, khususnya dalam bidang ekonomi dan pembangunan. Pengarang menggambarkan kelemahan

kebanyakan orang Melayu tidak memiliki kemahiran yang menyeluruh dalam mengurus sesuatu projek atau perniagaan. Hal ini diperkuatkan melalui petikan berikut: mereka mungkin cekap dalam satu aspek tetapi lemah dalam aspek lain. Frasa “kalau pandai mentadbir, tidak cekap merancang” menunjukkan bahawa ada individu yang memiliki kemahiran mengurus tetapi gagal merangka strategi yang sistematik dan berkesan. Sementara itu, “kalau pandai merancang dan mentadbir, tidak tahu melangkah” menggambarkan bahawa walaupun ada yang memiliki visi dan keupayaan mengurus, mereka kurang berani atau tidak mempunyai keberanian untuk mengambil tindakan yang diperlukan. Selain itu, “kalau tahu melangkah tidak kemas membuat persediaan” merujuk kepada kelemahan dalam perancangan jangka panjang, di mana persiapan yang tidak rapi menyebabkan projek yang dilaksanakan tidak berjalan lancar atau gagal.

Watak Encik Muhammad dalam petikan tersebut dijadikan contoh individu Melayu yang berjaya dalam dunia perniagaan dan pengurusan kerana berupaya dalam aspek perancangan, pentadbiran, jaringan hubungan dan penyelesaian projek. Berdasarkan Teori SMCR Berlo (1960), pengarang sebagai sumber menyalurkan mesej berupa kritikan dan seruan perubahan kepada masyarakat Melayu agar lebih berdaya saing dan terancang dalam urusan ekonomi. Mesej yang disampaikan dalam karya ini merangkumi teguran terhadap sikap pasif dan tidak sistematik dalam bidang perniagaan. Pengarang menyasarkan mesej ini agar diterima, difahami, dan dihayati oleh pembaca untuk mencetuskan perubahan sikap dan mentaliti. Berdasarkan prinsip teori ini, keberkesanan komunikasi antara pengarang (sumber) dan pembaca (penerima) bergantung pada kebolehan saluran (karya sastera) menyampaikan mesej yang jelas, tepat dan menyentuh aspek emosi serta intelektual khalayak. Watak Encik Muhammad menjadi simbol aspirasi yang diharapkan terhadap masyarakat Melayu bahawa kejayaan dalam perniagaan bukan hanya bergantung kepada peluang, tetapi turut memerlukan ilmu, strategi, dan sikap positif yang berterusan.

Seterusnya, sumber menggambarkan kerakusan sikap seorang ahli perniagaan Melayu yang mementingkan diri sendiri dan keuntungan peribadi sehingga sanggup menganiaya dan menipu orang lain. Dengan perbuatan tersebut telah menjadi batu penghalang kepada orang lain untuk sama-sama berjaya dalam meningkatkan taraf ekonomi. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu yang tidak telus dan sanggup menganiaya bangsa sendiri. Mesej ini disalurkan melalui watak Yang Berhormat Muhd Yusuf seperti dalam petikan-petikan berikut:

Dia berharap Yang Berhormat Muhd. Yusuf akan berjaya membangunkan semula kehidupan orang kampung yang hampir runtuh itu. Dan keinginan makin menggelora dalam dadanya untuk merobohkan sama sekali kampung yang malang itu untuk meluaskan perusahaan dan perniagaannya sendiri.

(Saudagar Besar dari Kuala Lumpur 1982: 182)

Jika ada sesiapa yang akan menerima kesusahan atau menanggung kerugian oleh sebab ikhtiar untuk menempatkan Imam Saad menjadi imam Pekan Tualang dan Tuk Empat Dahlan menjadi Penghulu Pekan Tualang, maka itu adalah perkara biasa dalam perjalanan sejarah pembangunan. Pemindahan orang Kampung Pulau dan perlombongan yang akan dijalankan di kampung itu adalah proses pembangunan yang tidak boleh disekat. Selagi tidak ada yang menyekat atau menentang usahanya untuk membeli tanah Kampung Pulau, selagi itulah dia akan berusaha menolong setiap orang penentangan yang terlibat. Tetapi penentangan atau sekatan oleh siapa pun bererti penentangan atau sekatan terhadap proses kemajuan pembangunan. Dia tidak dapat bertanggungjawab terhadap hal-hal seperti itu.

(Saudagar Besar dari Kuala Lumpur 1982: 183)

Petikan daripada *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982) menampilkan kritikan terhadap konflik antara pembangunan dan kesejahteraan masyarakat, khususnya dalam konteks eksploitasi ekonomi serta ketidakseimbangan kuasa dalam sektor pembangunan. Melalui watak

yang digambarkan, pengarang menunjukkan bagaimana kepentingan ekonomi individu atau pihak tertentu sering mengatasi kepentingan masyarakat umum, sehingga membawa kepada pengorbanan golongan bawahan demi mencapai apa yang dianggap sebagai kemajuan. Dalam petikan pertama, harapan yang disandarkan kepada Yang Berhormat Muhd. Yusuf untuk membangunkan semula kehidupan penduduk kampung menggambarkan realiti masyarakat Melayu yang sering bergantung kepada pemimpin untuk membawa perubahan. Namun, dalam masa yang sama, terdapat keinginan tersembunyi untuk “merobohkan sama sekali kampung yang malang itu” bagi kepentingan perniagaan. Ini mencerminkan sikap kapitalis yang melihat tanah dan sumber ekonomi sebagai peluang perniagaan, tanpa mengambil kira kesan sosial terhadap penduduk setempat. Penggunaan frasa “keinginan makin menggelora dalam adanya” memperlihatkan kerakusan serta ketamakan individu yang ingin mengaut keuntungan dengan mengorbankan kesejahteraan masyarakat kampung.

Frasa “proses pembangunan yang tidak boleh disekat” menunjukkan pembangunan sering digunakan sebagai alasan untuk menyingkirkan penduduk asal demi kepentingan ekonomi pihak berkepentingan. Konsep “perkara biasa dalam perjalanan sejarah pembangunan” pula menggambarkan bagaimana penderitaan golongan bawahan, termasuk pemindahan penduduk dan kehilangan tempat tinggal, sering dianggap sebagai sebahagian daripada harga yang perlu dibayar demi kemajuan. Sikap ini memperlihatkan kezaliman sistem ekonomi yang berpihak kepada pemodal dan pihak berkuasa, manakala masyarakat marhaen terpaksa menerima akibatnya tanpa pilihan. Selain itu, frasa “Dia tidak dapat bertanggungjawab terhadap hal-hal seperti itu” menunjukkan keengganan individu berpengaruh dalam sektor pembangunan untuk bertanggungjawab terhadap kesan negatif yang berlaku ke atas masyarakat. Hal ini memperlihatkan sikap tidak berperikemanusiaan serta ketidakadilan dalam pembangunan, di mana keuntungan menjadi keutamaan tanpa mengambil kira impak terhadap komuniti.

Pengarang telah memainkan peranan sebagai sumber dalam Teori SMCR Berlo (1960), yang bertanggungjawab menyampaikan gagasan, pengalaman dan sikapnya terhadap ketidakseimbangan sosial dan ekonomi dalam masyarakat Melayu. Sumber ini memiliki kredibiliti melalui kefahaman yang mendalam terhadap realiti masyarakat serta penguasaan bahasa yang efektif dalam menyampaikan maklumat secara halus tetapi berkesan. Mesej yang disampaikan melibatkan kritikan terhadap ketidakadilan sosial, kerakusan kapitalisme, serta kepincangan sikap masyarakat Melayu yang kurang berusaha, mementingkan diri sendiri, dan cetek ilmu dalam bidang ekonomi. Mesej juga mengangkat kepentingan perubahan sikap mentaliti dan pemikiran sebagai kunci kepada pembangunan ekonomi yang lebih menyeluruh dan adil. Melalui pengolahan tema ini, pengarang menyalurkan kesedaran kepada masyarakat tentang keperluan untuk berubah dan bangkit daripada kelemahan sistem yang telah lama membelenggu mereka. Saluran utama yang digunakan ialah karya sastera yang dibentuk dengan gaya bahasa yang indah, bersifat metafora dan menyentuh emosi pembaca. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar menjadikan mesej lebih mudah difahami oleh khalayak pelbagai lapisan dan etnik di Malaysia. Hal ini disokong oleh pandangan Mohammed Azlan (2012) yang menekankan kepentingan lingua franca seperti bahasa Melayu dalam menyatukan komuniti pelbagai latar belakang dalam penyampaian mesej sosial yang signifikan. Akhir sekali, penerima mesej ialah pembaca, khususnya masyarakat Melayu yang menjadi sasaran kritikan dan seruan perubahan. Keupayaan mesej untuk diterima dan difahami oleh pembaca bergantung kepada latar belakang, kepekaan sosial dan kesediaan mereka untuk mengubah sikap. Sekiranya mesej berjaya menimbulkan kesedaran, maka komunikasi antara pengarang dan pembaca boleh dianggap efektif, seperti yang ditekankan dalam Teori SMCR Berlo (1960).

MAKLUMAT BERKAITAN CADANGAN DALAM MEMPERTINGKATKAN TARAF EKONOMI
MASYARAKAT MELAYU DALAM KARYA SASTERA

Sumber menggunakan karya sastera sebagai saluran untuk menyalurkan amanat, perutusan, idea dan fikiran. Hal ini kerana karya sastera bukan sahaja memaparkan ilmu berseni, namun merangkumi semua aspek kehidupan manusia yang digarap dengan kreatif menggunakan gaya bahasa yang indah. Berdasarkan ketiga-tiga buah karya sastera memperlihatkan sumber menyalurkan beberapa cadangan yang boleh dilakukan oleh masyarakat Melayu dalam meningkatkan taraf ekonomi. Hal ini dapat dilihat melalui watak Zaidi:

Sementara menunggu kebun getah dan tanaman pokok buah-buahan di keliling rumahnya mendatangkan hasil dia terus mengerjakan sawah di baruh bersama abangnya. Kemudian setelah getah besar dan boleh ditoreh dia menoreh getahnya sendiri. Setelah semuanya stabil dan harga getah melambung, kebunnya yang tujuh ekar itu “diseduakannya” kepada buruh Cina. Dia mula menceburi bidang usaha niaga, memborong pembekalan barang-barang hutan seperti rotan, atap bertam dan buluh untuk kontraktor-kontraktor yang membina atau membaiki bangunan-bangunan Kerajaan.

(*Rimba Harapan* 1986: 7)

Petikan daripada *Rimba Harapan* (1986) menggambarkan perjalanan ekonomi seorang individu yang bermula dari sektor pertanian tradisional sehingga beralih kepada sektor perniagaan dan perdagangan. Peristiwa ini memberikan gambaran jelas tentang bagaimana seseorang yang berfikiran jauh dan berani mengambil peluang boleh mengubah taraf kehidupan melalui perancangan ekonomi yang sistematik dan bijak. Pada peringkat awal, watak masih bergantung kepada pertanian tradisional, iaitu mengusahakan sawah bersama abangnya. Walau bagaimanapun, watak menunjukkan sikap lebih proaktif dengan tidak hanya bergantung kepada sawah, tetapi turut menanam pokok getah dan buah-buahan di sekitar rumahnya sebagai satu bentuk pelaburan jangka panjang. Ini menunjukkan perancangan ekonomi yang lebih luas berbanding kebanyakan masyarakat Melayu ketika itu yang hanya berpegang kepada pertanian tradisional.

Langkah seterusnya yang diambil oleh watak ialah menoreh sendiri getah bagi membuktikan sifat berdikari dan usaha gigihnya dalam menjana sumber ekonomi. Keputusan untuk menanam getah sejak awal akhirnya membuahkan hasil apabila harga getah meningkat, dan beliau mengambil langkah seterusnya yang lebih strategik, iaitu menyewakan kebun getahnya kepada buruh Cina. Tindakan ini menunjukkan kebijaksanaan dalam memanfaatkan tenaga kerja pihak lain bagi menjana pendapatan pasif, sambil memberi ruang kepadanya untuk meneroka bidang ekonomi lain yang lebih menguntungkan. Peralihan watak ini ke dalam bidang perniagaan memperlihatkan satu bentuk transformasi ekonomi yang lebih dinamik. Keputusan yang diambil memperlihatkan kepekaan terhadap peluang ekonomi yang lebih luas serta kebolehan dalam menyesuaikan diri dengan permintaan pasaran. Ini juga membuktikan bahawa dengan strategi dan keberanian untuk mengambil risiko, seseorang mampu meningkatkan taraf ekonomi dan tidak hanya terperangkap dalam sistem pertanian tradisional yang kurang memberi pulangan tinggi.

Petikan ini selari dengan tema utama *Rimba Harapan* (1986) yang menekankan kepentingan daya usaha, inovasi, dan pemikiran jauh dalam mencapai kejayaan ekonomi. Pengarang menggambarkan watak utama sebagai simbol individu Melayu yang mampu berjaya sekiranya berfikiran terbuka, bersedia untuk berubah, dan mampu memanfaatkan peluang ekonomi yang tersedia. Kritikan tersirat yang disampaikan memperlihatkan jurang antara golongan yang progresif dan yang masih terperangkap dalam kebergantungan terhadap sistem ekonomi tradisional. Hal ini menggambarkan keperluan mendesak untuk mengubah mentaliti masyarakat agar selari dengan tuntutan ekonomi moden. Kritikan ini sangat bertepatan dengan realiti pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1971 sebagai usaha kerajaan untuk mengurangkan

ketidakseimbangan ekonomi antara kaum, khususnya bagi meningkatkan penyertaan ekonomi masyarakat Melayu dan bumiputera. Pengarang turut membandingkan pencapaian ekonomi masyarakat Cina yang gigih berusaha, menjalankan pelbagai pekerjaan, dan menjadikan kegiatan seperti menanam sayur bukan sekadar keperluan asas, tetapi sebagai sumber komersial yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Masyarakat Cina yang bermula dari peringkat bawah dilihat mampu menguasai sektor ekonomi negara kerana kerajinan, sikap keusahawanan dan pemikiran jangka panjang mereka. Pengarang bukan sekadar menyampaikan kritikan, tetapi turut menawarkan cadangan melalui naratif dan watak sebagai cerminan potensi sebenar yang boleh dicapai sekiranya masyarakat Melayu berusaha dengan lebih strategik dan bersungguh-sungguh. Hal ini disalurkan oleh sumber seperti dalam petikan berikut:

Datuk Tan memang tahu dia berasal dari Pekan Tualang tetapi dia tidak pernah tinggal di situ. Dia merempat ke mana-mana di seluruh Semenanjung ini untuk memajukan dirinya sendiri sehingga pandai berniaga dan akhirnya menerima warisan tanah di Pekan Tualang itu yang diterokanya sedikit demi sedikit dengan wang hasil perniagaannya di Kuala Lumpur hingga akhirnya menjadi estet. Dan estet itulah kekayaannya yang pertama yang menjadi asas kewujudan dan kemajuan Tan Enterprise yang amat gagah itu.

(Saudagar Besar dari Kuala Lumpur 1982: 12)

Petikan ini menggambarkan perjalanan Datuk Tan daripada seorang perantau kepada seorang usahawan berjaya melalui usaha gigih, kebijaksanaan dalam berniaga, dan strategi pelaburan yang berkesan. Dia memanfaatkan keuntungan perniagaan di Kuala Lumpur untuk mengusahakan tanah warisan di Pekan Tualang sehingga berkembang menjadi sebuah estet besar. Kejayaan ini menjadi asas kepada kewujudan Tan Enterprise yang kukuh. Pengarang menonjolkan nilai ketekunan, daya saing, dan keberanian dalam mengambil risiko sebagai kunci kejayaan ekonomi, sekali gus mengkritik sikap pasif masyarakat Melayu dalam bidang perniagaan dan pelaburan. Kerja keras dan keinginan untuk memajukan diri sendiri akan mampu mengubah masa depan individu. Hal ini turut diperlihatkan oleh pengarang dalam novel *Anak Titiwangsa* (1967: 50), “Dia juga sudah membuktikan kepada saya bahawa hidup berdisiplin dan bekerja bersungguh-sungguh akan mendatangkan keuntungan.” Dengan kata lain, petikan tersebut menunjukkan pengarang menyalurkan pemikirannya bahawa untuk berjaya memerlukan kerja keras dan pengorbanan. Selain itu, pengarang menyalurkan cadangan yang membina kepada masyarakat bahawa untuk berjaya memerlukan persediaan yang rapi dari segi ilmu pengetahuan dan keperluan material. Perkara ini dipaparkan melalui watak Malik dalam novel *Anak Titiwangsa* (1967) ketika menasihati watak Sudin.


Dia tu nak suruh engkau *prepare* diri engkau cukup-cukup. Jangan tiba-tiba nak jadi itu ini saja. Engkau nak jadi pelopor tani moden memang bagus. Tapi mana tani moden boleh jadi dengan cangkul, dengan tangan, dengan doa tunggu hujan dari langit? Tani moden minta pengetahuan tani yang moden, minta alat teknik yang moden, minta pentadbiran yang moden. Engkau ada tu semua? Sudah, jangan banyak rancangan. Pak cik engkau suruh masuk universiti tu memang betul.

(Anak Titiwangsa 1967: 85)

Petikan daripada *Anak Titiwangsa* (1967) menekankan kepentingan ilmu, teknologi dan perancangan rapi sebagai asas kepada bidang pertanian moden. Melalui Teori SMCR Berlo (1960), dapat dilihat bahawa pengarang berperanan sebagai sumber yang memiliki kredibiliti dan pengetahuan dalam menyampaikan kritikan sosial terhadap masyarakat Melayu yang masih terikat dengan cara lama dan tidak bersedia untuk berubah. Frasa seperti “mana tani moden boleh jadi dengan cangkul, dengan tangan, dengan doa tunggu hujan dari langit?” merupakan bentuk mesej yang disampaikan bagi menolak kebergantungan kepada amalan tradisional tanpa menggunakan

teknologi. Mesej yang disampaikan oleh Keris Mas ialah bahawa kemajuan dalam sektor pertanian dan pembangunan memerlukan pendidikan, teknologi, serta pemikiran yang rasional dan terancang. Kritikan terhadap sikap segelintir individu yang bercita-cita besar tetapi kurang persediaan memperlihatkan mesej pengarang bahawa kejayaan bukan sekadar bergantung kepada usaha fizikal atau keinginan semata-mata, tetapi kepada strategi, ilmu, dan pengurusan moden. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar menjadikan mesej lebih mudah diterima dan dihayati oleh penerima, iaitu masyarakat Melayu yang menjadi sasaran utama gagasan pemikiran ini. Keris Mas telah memanfaatkan sepenuhnya komponen dalam Teori SMCR Berlo dengan menyampaikan idea-idea kritikal tentang pentingnya ilmu dan perubahan sikap melalui medium sastera yang dapat diakses oleh masyarakat umum. Karya beliau bukan sahaja bersifat estetik tetapi juga informatif dan signifikan, sejajar dengan matlamat komunikasi yang berkesan dalam membawa perubahan sosial dan ekonomi masyarakat Melayu.

Berdasarkan analisis kajian memperlihatkan pengarang menggunakan karya sastera dalam menyalurkan informasi berkaitan faktor kemunduran ekonomi masyarakat Melayu. Pengarang turut memberikan cadangan-cadangan yang boleh dilakukan oleh masyarakat Melayu untuk meningkatkan taraf ekonomi. Melalui proses penceritaan dalam karya sastera secara tidak langsung menjelaskan peranan karya sastera dalam menyampaikan pemikiran pengarang yang dapat menjadi panduan dan pedoman kepada khalayak sekali gus menunjukkan fungsi karya sastera sebagai medium komunikasi verbal. Hal ini diperlihatkan dalam gambar rajah 2 berikut:



RAJAH 2. Hubungan antara Keris Mas, Pesan, Karya dan Masyarakat

Hubungan antara pengarang, informasi, saluran dan penerima pesan dalam Trilogi Keris Mas menepati model komunikasi SMCR Berlo (1960). Sumber menyalurkan informasi berkaitan faktor kemunduran dan cadangan meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu melalui karya sastra menerusi watak-watak yang digarap dalam karya sebagai struktur penting yang menggerakkan jalan cerita dan menyalurkan mesej kepada masyarakat. Muhd Norizam & Shaiful Bahri (2015: 192) menjelaskan bahawa, pengarang yang berilmu dan bijaksana mencurahkan ilmu dan kebijaksanaan ke dalam karya melalui watak-watak yang mereka hasilkan. Dengan kata lain, segala informasi penting yang disalurkan kepada masyarakat diterjemahkan oleh pengarang dalam karya sastra sekali gus memperlihatkan peranan karya sastra sebagai saluran komunikasi verbal yang dapat mendidik dan memberi ilmu kepada masyarakat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, ketiga-tiga karya Keris Mas sarat dengan ilmu pengetahuan menunjukkan peranan penting karya sastra sebagai karya yang berinformatif dan bermanfaat. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa novel *Anak Titiwangsa* (1967), *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982) dan *Rimba Harapan* (1986) sarat dengan informasi dan maklumat penting berkaitan faktor yang menyebabkan kemunduran ekonomi masyarakat Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa melalui karya sastra sebagai medium komunikasi penting untuk menyalurkan mesej mengenai faktor kemunduran ekonomi masyarakat Melayu dalam ketiga-tiga karya sebagai teguran dan panduan kepada masyarakat Melayu. Berdasarkan dapatan kajian memperlihatkan faktor kemunduran ekonomi masyarakat Melayu dilatari oleh sikap jumud, mementingkan diri sendiri dan keketekan ilmu pengetahuan. Di samping itu, dapatan kajian turut memaparkan cadangan sumber dalam meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Melayu dengan usaha dan ilmu pengetahuan. Justeru, dapatan kajian memperlihatkan kepentingan sumber (pengarang), pesan (isi kandungan dalam karya), saluran (karya sastra) dan penerima (masyarakat) dalam komunikasi SMCR Berlo (1960). Keempat-empat prinsip saling berkait rapat sekali gus memperlihatkan peranan karya sastra sebagai medium menyalurkan mesej kepada masyarakat kekal relevan sepanjang zaman.

PENGHARGAAN

Artikel ini berasaskan Geran Kajian Naratif Kemandirian Sosioekonomi Bumiputra Dalam Trilogi Novel Keris Mas (2020-0278-106-29) yang telah dibiayai oleh Koperasi Dana Bakti Selangor Berhad.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah. (2018). Perwatakan wanita melayu Muslim dalam novel 'Diari Seorang Jururawat' karya Aminah Mokhtar. *Journal of Nusantara Studies* 3(2), 147-161.
- Abu Bakar, N. F. F. (2024). Keris Mas and the establishment of the ASAS 50's in modern Malay literature. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(8), 1-13. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v14-i8/22401>.

- Ahmad, R. (2018). *Ekonomi dan sastera: Kajian terhadap karya Keris Mas dalam menganalisis kemunduran ekonomi masyarakat Melayu*. Universiti Malaya Press.
- Ahmed, A. (2017). Literature and its influence on human life. Paper presented at the National Conference Cum Workshop on Recent Trends Technical Language and Communication: Emerging Requirement, 21-22 April, Rajkiya Engineering College, Chadpur, Bijnor.
- Ani Omar. (2012). Kesusasteraan dan peranan puisi dalam kehidupan kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 1, 87-121.
- Berlo, D.K. (1960). *The process of communication: An introduction of theory and practice*. United States: Holt, Rinehart and Winston.
- Burgoon, M. & Ruffner, M. (1978). *Human communication: A revision of approaching speech/communication*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Che Abdullah Che Ya. (2015). Bayangan wacana politik dalam karya sastera: Analisis novel kawin-kawin. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 461-476.
- Chew, F. P. (2008). Persepsi khalayak terhadap isu-isu pendidikan sastera perpaduan. *Sari*, 28, 3-25.
- Darwance. (2024). Sastra, kreativitas intelektual, dan manfaatnya secara ekonomi. *Jurnal Sastra Indonesia*, 13(1), 45–56. <https://doi.org/10.15294/jsi.v13i1.43912>.
- Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 35-51.
- Ghazali Din, Abdul Halim Ali & Mohd Azam Sulong. (2015). Konsep komunikasi dan kepengarangan Muhammad Haji Salleh berdasarkan Model Teksanaluri. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 3, 166-186.
- Kamaluddin Muhamad. (1986). *Rimba Harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaluddin Muhamad. (1982). *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaluddin Muhamad. (1967). *Anak Titiwangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N., & Abdullah, S. (2015). Pengarang pascakolonial dan kritikan terhadap dasar ekonomi: Satu analisis karya sastera Melayu. *Jurnal Kajian Sastera Melayu*, 12(1), 45-60.
- Lim, W. M. (2025). Systematic literature reviews: Reflections on conducting, reviewing and publishing. *International Journal of Consumer Studies*, 49(2), 1–10. <https://doi.org/10.1111/ijcs.13062>.
- Misran Rokimin. (2006). *Isu pendidikan dan pembangunan insan menerusi novel*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammed Azlan Mis. (2012). Medium perantara pelbagai suku kaum di Sarawak: Kajian lingua franca. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12 (3), 903-922.
- Mohamad Md. Yusof. (1985). Komunikasi tanpa lisan-satu tinjauan ringkas. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 1, 64-72.
- Mohd Amir Mohd Zahari, Rohizani Yaakub, Azrul Azizi Amirul, Norazimah Zakaria, & Anida Sarudin. (2021). Pendekatan “imajinasi” dalam the system stanislavski membina daya kreativiti murid: Kes kalangan murid sekolah menengah di Kedah. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 11 (1), 233-243.
- Mohd Daud Ibrahim & Rohaidah Kamaruddin. (2015). Mesej pengarang: Satu penelitian terhadap novel *Anak Titiwangsa* karya Sasterawan Negara Keris Mas. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 3 (2), 17-25.

- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2018). Fenomena sosial dalam novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. *International Journal of Creative Futures and Heritage*, 6 (1), 95-116.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu analisis. *Jurnal Komunikasi*, 31 (2), 183-194.
- Nurhamizah Hashim, Eizah Mat Hussain, Asbah Razali & dan Natasah Mat Madmin. (2020). Pemikiran dalam novel *Semanis Kyuho* karya Ghazali Lateh. *Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS* 31, 151-168.
- Rahman, A. (2010). *Sastera sebagai wahana kritikan sosial dalam masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohayati Junaidi, Madiawati Mamat @ Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Nur Faaizah Md Adam & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2023). Engkaulah Adiwiraku sebagai Saluran Informasi COVID-19 Berdasarkan Model Komunikasi SCMR Berlo. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39 (1), 441-458.
- Syofiah Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. (2013). Kemahiran komunikasi interpersonal ekspresif: Mencipta guru bahasa Indonesia yang penyayang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13 (1), 139-154.
- Turow, J. (2010). *Media today: An introduction to mass communication*. New York: Routledge.
- Universiti Sains Malaysia. (2025, Jun 25). Syarahan Keris Mas kali ke-4 jelajah Malaysia: Keutuhan Malaysia Madani melalui terjemahan pemikiran Melayu dalam *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. USM News Portal. <https://news.usm.my>.
- Wenzel, M. (2005). The crucial role of literature in the generation of knowledge and critical thinking. *Literator*, 26 (1), 69-82.
- Zahir Ahmad. (2005). Peranan sastera Islam dalam pembentukan akhlak penduduk Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 254-265.

PENULIS:

Rohayati Junaidi (Penulis koresponden)
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak, Malaysia
Email: rohayati@fbk.upsi.edu.my

Azhar Wahid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak, Malaysia
Email: azhar@fbk.upsi.edu.my

Ghazali Din
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak, Malaysia
Email: ghazali_din@fbk.upsi.edu.my